

Abu Zarim masih terima elaun pencen

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Jumaat — Datuk Abu Zarim Haji Mulop masih tetap menerima elaun pemakanan (pencen) bulanan selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi daripada Kerajaan Negeri Sembilan sekali pun bellau dipecat oleh anak-anak Warisnya Ahad lalu.

Ini kerana bellau tetap diktiraf selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, menurut sumber-sumber tertinggi adat hari ini.

"Aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa kedudukan muktamad seseorang

penyandang pesaka hanya boleh ditentukan oleh Datuk Kelana Putra (Undang) sesuai dengan kata adat sah batal di tangan Lembaga, hidup mati di tangan Undang."

"Oleh kerana pemecatan Datuk Abu Zarim dibuat oleh anak-anak Warisnya sewaktu ketiadaan Datuk Kelana Putra, maka pihak berkuasa khususnya dewan tidak boleh menganggapnya sebagai satu keputusan yang muktamad.

"Dengan kata lain, kedudukan muktamad Datuk Abu Zarim hanya boleh diputuskan oleh bakal penyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 nanti," kata sumber-sumber itu kepada Berita Harian di sini.

Berita Harian difahamkan, Datuk Abu Zarim menemui beberapa ahli rasmi dewan semalam bagi menjelaskan perkembangan semasa mengenai urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi.

Difahamkan juga, bellau masih meneruskan tugas rasminya dalam urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi sekali pun kerapatan adat Ahad lalu menubuhkan sebuah jawatankuasa penyealaras adat ekoran pemecatannya.

Mengikut aturan adat Luak Sungai Ujong, penyandang pesaka Datuk Muda Linggi adalah 'bergajah tunggal' dan bellau mempunyai kuasa mutlak dalam membuat sebarang keputusan berhubung urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi.

Kesalahan

Aturan adat juga menggariskan bahawa penyandang pesaka itu adalah 'berbukan Datuk Shahbandar dan berbapakan Datuk Kelana Putra'.

Inti bermakna hanya Datuk Kelana Putra boleh membuat keputusan muktamad mengenai kedudukan penyandang pesaka Datuk Muda Linggi. Luak Sungai Ujong mewillputi Wilayah Linggi.

Kira-kira 100 anak Waris Datuk Muda Linggi mencapai kebulatan untuk memecat Datuk Abu Zarim daripada menyandang pesaka Datuk Muda Linggi dalam kerapatan di Sekolah Menengah Linggi Ahad lalu kerana bellau dikatakan terbabit dalam enam kesalahan adat.

Bagaimanapun, Datuk Abu Zarim dalam kenyataan kepada Berita Harian baru-baru ini mengisyiharkan bellau masih tetap menjadi penyandang pesaka Datuk Muda Linggi yang sah di segi aturan adat.

Pengamat adat syor panggil satu kerapatan

SEREMBAN, Jumaat — Pengamat adat tempatan hari ini mengesyorkan supaya Datuk Abu Zarim Haji Mulop memanggil satu kerapatan adat anak-anak Waris Datuk Muda Linggi bagi menyelesaikan isu pemecatannya selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi.

Menurut mereka, ini untuk membolehkan Datuk Abu Zarim menjelaskan secara terperinci mengenai apa yang dikatakan pembabitannya secara langsung dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Jurucakap pengamat adat berkenaan berkata menerusi kerapatan itu, Datuk Abu Zarim hendaklah juga menjawab segala dakwaan yang dibuat oleh anak-anak Waris Datuk Muda Linggi terhadapnya terutama enam sebab pemecatan yang dirumuskan dalam kerapatan adat Ahad lalu.

"Lazimnya apabila berlaku sesuatu perbalahan berhubung urusan pentadbiran adat, adalah lebih baik jika ia diselesaikan menerusi satu kerapatan adat untuk membolehkan masalah itu diatasi menerusi muafakat.

Segala kesulitan

"Dalam hubungan ini, Datuk Abu Zarim perlu segera memanggil kerapatan adat yang dihadiri oleh anak-anak Warisnya daripada tiga Perut Iaitu Pengkalan, Solok dan Hillir untuk menyelesaikan isu pemecatannya baru-baru ini.

"Inti juga selaras dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong yang menggariskan bahawa anak-anak Waris mempunyai hak mutlak mengenai urusan perlantikan dan pemecatan sesuatu jawatan adat," kata jurucakap itu kepada Berita Harian di sini.

Bellau juga mencadangkan supaya Datuk Abu Zarim menghadap Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Shahari Haji Haasan untuk mendapatkan hasil-hasil berhubung isu pemecatan itu.

Mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong, penyandang pesaka Datuk Muda Linggi 'berbukan Datuk Shahbandar dan berbapakan Datuk Kelana Putra'.

"Seperti juga dalam kehidupan sehari-hari kita, seorang anak akan menemui ibu dan bapanya untuk mendapatkan nasihat mengenai usaha menyelesaikan segala kesulitan yang dihadapinya.